



JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM KEMENTERIAN PERTAHANAN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
301 Medan Tuanku, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Tel : 03-20508000 Faks : 03-26917564

SIARAN MEDIA

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) telah mengeluarkan kenyataan berikut:

MAJLIS PERASMIAN RUMAH BINA BARU VETERAN ATM NEGERI PERLIS

19 JANUARI 2023 - Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM), telah menyempurnakan Majlis Perasmian Rumah Bina Baharu Veteran ATM Negeri Perlis bertempat di **Kg Chantek Bangun, Mukim Sanglang, Simpang Ampat, Perlis**. Pada majlis tersebut, **Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus** telah menandatangani Plat Perasmian dan Menyerahkan Replika Kunci Rumah di bawah Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM kepada En. Mohamad bin Abdullah. Penyerahan rumah juga turut dibuat kepada tiga lagi penerima di sekitar Negeri Perlis.

Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM merupakan salah satu inisiatif peningkatan kualiti hidup di bawah Teras 7: Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM, Pelan Strategik MinDef (PSM). Strategi ini memberi penekanan dalam usaha membantu Veteran ATM yang berpendapatan rendah atau miskin dengan menyediakan tempat kediaman yang lebih kondusif dan selesa. Ianya merangkumi dua skop kerja iaitu membina kediaman baharu dan membaikpulih rumah Veteran ATM mengikut syarat yang telah ditetapkan. Program ini merupakan kolaborasi di antara Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Pada tahun 2022, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM telah memperuntukan kos baik pulih rumah sebanyak RM14,000.00 seunit dan kos bina baharu sebanyak RM55,000.00 (Semenanjung) dan RM65,000.00 (Sabah & Sarawak) seunit yang melibatkan kos sebanyak RM 4.57 juta bagi 152 unit baik pulih rumah dan 31 unit bina baharu termasuk kos pemasangan kemudahan elektrik dan air.

Turut hadir dalam majlis tersebut, wakil Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), persatuan-persatuan veteran dan pengurusan JHEV ATM.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang Mej Ahmad Ramdzan bin Mohamad TUDM (019-5904047)** atau **Penyelia Unit Komunikasi Korporat JHEV ATM, BK PNK Nurmazura binti Abd Majid (013-2202817)**.

**JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KUALA LUMPUR
19 JANUARI 2023**

1. Abdul Hamid bin Pin.
 - (1) No Tentera : 1017930
 - (2) Alamat : Kg Bengor, Kudong, Sanglang, Perlis.
 - (3) Umur : 64 tahun
 - (4) Perkhidmatan : KPD
 - (5) Penerima Pencen ATM : RM1,233.26
 - (6) Tarikh Mula Projek : 20 Sep 22
 - (7) Tarikh Siap Projek : 24 Nov 22
 - (8) Kos : RM 55,000.00

2. Allahyarham Abdul Rani bin Aziz (Isteri – Aminah binti Hamid)
 - (1) No Tentera : 29569
 - (2) Alamat : Batas Lintang, Simpang Ampat, Perlis.
 - (3) Tarikh Meninggal : 16 Feb 2022
 - (4) Perkhidmatan : KOD
 - (5) Status Perkhidmatan: Tidak Berpencen
 - (6) Tarikh Mula Projek : 20 Sep 22
 - (7) Tarikh Siap Projek : 24 Nov 22
 - (8) Kos : RM 55,000.00

3. Mohamad bin Abdullah
 - (1) No Tentera : 1021265
 - (2) Alamat : Kg Chantek Bangun, Mukim Sanglang, Simpang Ampat, Perlis
 - (3) Umur : 66 tahun
 - (4) Perkhidmatan : KJLJD
 - (5) Pencen JPA (KKM) : RM1,200.00
 - (6) Tarikh Mula Projek : 20 Sep 22
 - (7) Tarikh Siap Projek : 27 Dis 22
 - (8) Kos : RM 65,000.00

4. Hizan bin Ibrahim
- (1) No Tentera : 804599
 - (2) Alamat : Behor Mentalon, Mukim Kurong Anai, Perlis
 - (3) Umur : 71 tahun
 - (4) Perkhidmatan : TLDM
 - (5) Penerima BSH : RM 300.00
 - (6) Tarikh Mula Projek : 20 Sep 22
 - (7) Tarikh Siap Projek : 27 Dis 22
 - (8) Kos : RM 65,000.00